Tulis ayat yang sesuai untuk melengkapkan perenggan di bawah ini.

- memberikan sumbangan
- mendapat pendidikan awal
- penulisan novel
- melontarkan idea-idea
- perkembangan sastera Melayu
- dilahirkan pada
- dihantar oleh keluarganya
- mengemukakan pelbagai persoalan
- petah berhujah
- mencapai kemerdekaan
- kesibukannya berkhidmat
- menjadi seorang sasterawa

Keris Mas atau nama sebenarnya Kamaludin Mohamad _____ 10 Jun 1922 di Kampung Ketari, Bentong, Pahang Darul Makmur. Beliau _____ di sekolah Melayu hingga darjah lima. Hasil keputusan peperiksaan yang baik, beliau layak melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, tetapi oleh sebab amalan pemilihan pihak yang berkuasa, beliau tidak mendapat peluang itu. Keris Mas _____ ke Sumatera untuk mengikuti pelajaran di Tawalib School, sebuah sekolah menengah dengan bahasa pengantarnya bahasa Indonesia dan bahasa Arab.

Keris Mas telah menghasilkan kira-kira 60 cerpen yang _____, iaitu tentang penceritaan kepincangan masyarakat, perjuangan kebangsaan, kisah darurat, dan sosial-politik sesudah merdeka. Semua persoalan tersebut merupakan pemerhatian dan pantulan pengalaman Keris Mas sejak tahun 1940-an sehinggalah sesudah Tanah Melayu _____ pada tahun 1957.

Sungguhpun Keris Mas lebih terkenal sebagai penulis cerpen, beliau juga telah memperlihatkan bakatnya dalam _____. Novel-novelnya seperti Pahlawan Rimba Malaya, Korban Kesuciannya, dan Anak Titiwangsa merupakan tiga buah novel yang sederhana. Pahlawan Rimba Malaya ditulisnya selepas pendudukan Jepun sementara Korban Kesuciannya (1949) ditulis semasa beliau bekerja di Utusan Melayu. Anak Titiwangsa yang diterbitkan pada tahun 1967 diusahakannya sewaktu dalam _____ di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keris Mas _____ daripada pembacaannya menerusi perbuatan mahupun tulisan. Selain itu, beliau dikenal sebagai seorang yang tegas, _____, dan peramah. Kehidupan Keris Mas boleh dikatakan sejak tahun 1947 hingga akhir hayatnya, tidak pernah terpisah daripada kegiatan sastera. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan dan _____ sebagai wartawan, editor, pentadbir sastera, sasterawan, dan pengkritik.

Demikianlah Keris Mas yang pada mulanya diharapkan oleh keluarganya untuk menjadi guru agama sebaliknya _____. Sebagai penulis kreatif, pentadbir, dan pengurus sastera, Keris Mas telah _____ yang penting dan bererti dalam perkembangan sastera Melayu baharu. Keris Mas telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Sains Malaysia pada 5 Ogos 1989.

LIVEWORKSHEETS